

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1993/94

April 1994

HSM 414 Sejarah Masalah Perburuhan di Malaysia

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGITUJUH [7] SOALAN DI DALAM  
DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Sejauh manakah anda bersetuju bahawa mogok-mogok yang tercetus di kalangan kaum buruh China di Negeri Selangor pada awal tahun 1937 adalah tindakan spontan?
2. Perjuangan buruh India di Daerah Kelang pada tahun 1941 tidak berdasarkan kepentingan kaum buruh tetapi sebaliknya tertakluk kepada objektif memperbaiki imej dan taraf sosial masyarakat India di Tanah Melayu. Bincangkan.
3. Perjuangan buruh di Tanah Melayu adalah lebih tersusun dan lebih militan selepas Perang Dunia Kedua. Sejauh manakah sifat ini berpunca daripada pendudukan Jepun di Tanah Melayu?
4. Untuk menjayakan rancangan Parti Komunis Malaya, strategi Kesatuan Sekerja Umum SeMalaya terbayang dalam pergerakan politik berlembagaan dan perjuangan buruh. Bincangkan.
5. Bincangkan undang-undang perburuhan yang telah diperlaksanakan oleh pihak Kerajaan untuk menghadapi cabaran daripada Kesatuan Sekerja Umum SeMalaya di antara 1945 dan 1948?

6. Pada peringkat awal zaman Darurat (1948 - 1951) pihak Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan untuk menjadikan perburuhan di Tanah Melayu bersih dan bebas daripada pengaruh komunis. Bincangkan.
7. Perlaksanaan Akta Kesatuan Sekerja 1959 merupakan suatu usaha pihak Kerajaan untuk menghalang penglibatan unsur-unsur politik luar dalam pergerakan kesatuan sekerja di Tanah Melayu. Nilaikan pernyataan ini dalam sejarah buruh di Malaysia di antara 1955 dan 1959.

-ooooO00oooo-